

Qur'an Jadīd ?

Innahā al-Fitnatū al-Jadīdah al-Kubrā fī al-Islām

(Hal yuṣṭiqu muslim ayyu muslim an yurā muṣḥafā fī awwalihi Sūrah Iqrā' thumma al-Muddathir wa al-Muzzammil .. wa yurā Sūrah al-Baqarah wa zamīlātuhā al-Madaniyyat fī ḥākir al-muṣḥaf, wayurā āyāt nuzi‘at min hadhihi al-sūrah litawaḍa‘a fī sūrah aw fī makāna ḥākir ? Dhalika huwa mā az‘aja samāḥat al-shaykh Nadīm mufti Tarāblus wa shīmāl Lubnāni ‘uḍwū Majma‘ al-Buhūthu al-Islamī bi al-Azhar fa‘arsala ilaynā ḥadhihi al-kalimat al-khaṣīrat al-musta‘jilat ((linashruhā sarī‘ā)) qabla an yakħtur ‘alā bāla ṣāhib al-mashrū‘ akhrāja ḥadhihi al-fitnata ilā hayzu al-wujūd, wa ṭaba‘a hadhā al-muṣḥaf al-mubtada‘ fī Lubnān. Wa naḥnu wa kullu al-ladhīna ‘ārafū ‘an ṭarīqi hadhihi al-risālat min al-mas’ūlīn wa al-‘ulamā‘ wa kullu al-ladhīna saya‘rifūna amra hadhā al-mashrū‘ al-jadīd ‘an ṭarīq al-majallat aw ghayruhā yastankirūna kulla al-istinkāra an yaṭba‘a muṣḥaf mukhālifi fī tartīb sūrah wa āyātihi al-muṣḥaf al-mutadāwalu al-ladhī jama‘ahu wa amara bikītābatihī Saiyidinā ‘Uthmān, wa ijma‘a ‘alayhi al-Ṣahābat raḍīya Allāhu ‘anhūm jamī‘ā, wa ajma‘tu al-ummati bi‘ulamā‘ihā wā ‘immatihā wa ‘āmmatahā ‘ālayhi, wa idhā kānat al-ummati lā tazālu ḥattā al-ān mutamassikat bi baqā‘u al-rasm al-‘Uthmānī kamā huwa khawfā min taghayyīri fī shaklu ba‘da al-kalimāt, fakayfa taqbala an tarā muṣḥafā maqlūba al-malāmihi fī sūrah wa āyātihi biḥijjati tarībuḥā ḥasba nuzūlihi, wa annanā lanarjū an nasma‘u naḥnu wa ghayrunā ra‘ya Faḍīlat al-Mufīr al-‘Ām fī Lubnān al-Shaykh Ḥasan Khālid, kamā narjū al-mas’ūlīn fī Lubnān illā yasmaḥū bi ikhrāji hadhā al-mashrū‘, hattā ya‘ridūhu ‘alā al-Azhar wa Majma‘ al-Buhūthi fīhi kamā huwa al-sha‘nu fī ṭaba‘a al-muṣḥaf al-mutadāwilat.. Falasnā fī ḥājati ‘ilā fitan tamazzaqa al-ṣufūf watathīru al-nafūs . wa anā lamurtaqibūn). Falasnā fī ḥājat ilā fitan tamazzaqa al-ṣufūf watathīru al-nafūs . Wa idhā kāna ṣāhib al-mashru‘ yurīdu al-fā‘idah dūna ithārat fitan falyukhrijū fī shaklu baḥtha kamā fa‘ala al-‘ulamā‘ al-sābiqūn . Wa anā irtaqibūn).

Al-Waie Al-Islāmī

(Terjemahan dan ulasan lihat muka sebelah)

Adakah Qur'an baru?

Ia adalah merupakan suatu fitnah baru yang besar di dalam Islam

(Adakah sanggup seorang muslim – mana-mana muslim juga pun – melihat sebuah mushaf (Qura'an) yang pada awalnya surah "Iqrā'" kemudian diringi dengan surah "al-Muddathir" dan "al-Muzammil" ...? Dan melihat surah "al-Baqarah" dan lain-lain surah daripada surah-surah "al-Madani" (yang diturunkan di Madinah) terletak pada akhir Qur'an, dan melihat ayat-ayat yang dicabut daripada sesuatu surah diletakkan di dalam surah yang lain? Inilah yang memerlukan jangka waktu yang lama. Yang Mulia al-Shaykh Nadīm Mufti Tarablus (Tripoli) dan daerah-daerah utara Lubnan dan Pusat Pengajian Islam di al-Azhar.

Maka telah dikirim kepada kami suatu makalah yang penting "untuk disiarkan dengan secepat mungkin" sebelum sesuatu tindakan diambil oleh orang punya rancangan menyebarkan "fitnah" ini ke seluruh pelosok alam al-wujud. Qur'an baru ini dicetak di Lubnan.

Kami dan setiap orang (Islam) yang mengetahui selok-belok agama ini daripada mereka yang bertanggungjawab, para alim ulama dan setiap orang yang akan mengetahui kedudukan rancangan baru (yang menodai kemuliaan kitab suci al-Qur'an – P) ini, sama ada dengan

perantaraan majalah atau lainnya, menentang dengan sekeras-kerasnya Qur'an baru itu dicetak seara menyalahi tertib (susunan) surah-surah dan ayat-ayat Qur'an biasa yang telah dikumpulkan dan diperintah menulisnya oleh Saiyidina Uthman, yang telah dipersetujui oleh sekalian pada Sahabat *radīya Allahu 'anhū* dan dipersetujui pula oleh umat Islam, para alim-ulamanya dan sekalian imam-imamnya.

Sekiranya umat Islam masih berpegang hingga sekarang dengan "al-Rasm al-'Uthmānī" (susunan Saiyidina Uthman) - seperti yang ada hingga sekarang ini - kerana daripada perubahan-perubahan di dalam bentuk setengah daripada kalimah-kalimah (al-Qur'an), maka bagaimana saudara boleh menerima (dengan dada yang lapang – P.) sewaktu melihat Qur'an yang bertimbang balik di dalam susunan surah-surah dan ayat-ayatnya dengan hujah atau dalil untuk mensesuaikan susunannya mengikut masa (giliran) turunnya.

Dalam soal ini kami dan lain-lain kaum muslimin akan dapat mendengar pendapat Yang Mulia Mufti Besar di Lubnan al-Shaykh Khalid, sebagaimana juga kami berharap kepada mereka yang bertanggungjawab di Lubnan supaya jangan membenarkan rancangan ini disebarluaskan, hingga ia dirujukkan kepada al-Azhar dan Pusat Pengajian Islam yang berada di dalamnya.

Kita tidak mahu kepada fitnah-fitnah yang membawa kepada perpecahan dan menyinggung perasaan (orang-orang Islam) yang cintakan kitab suci al-Qur'an daripada dinodai dan diperbagai-bagaikan dengan demikian rupa – P). Kalau sekiranya orang yang punya rancangan itu berkehendakkan sebarang faedah dengan tidak menggemparkan akibat dari fitnah yang dilakukannya itu, maka terbitkanlah sebuah Qur'an yang berbentuk (mengandungi) kajian seperti yang telah diperbuat oleh para alim-ulama di zaman silam).

Pengarang majalah **al-Wā'i al-Islāmī**
(Bilangan 40 keluaran bulan Rabi' al-Thānī 1388 H.)

Para pembaca yang mulia:

Inilah terjemahan sebuah rencana ulasan yang telah ditulis dan disiarkan oleh pengarang majalah "**al-Wā'i al-Islāmī**" (Bilangan 40 keluaran bulan Rabi' al-Thānī 1388 H.) mengenai "Qur'an Baru" yang dicetak menurut susunan turunnya sesuatu surah dan sesuatu ayat. Susun cara baru ini sudah tentu menyalahi dan bertentangan dengan Qur'an biasa yang digunakan oleh orang-orang Islam dari sejak zaman Khalifah Saiyidina Uthmān bin 'Affān hingga sekarang ini.

Dengan terbitnya "Qur'an Baru" ini yang dicetak di Lubnan – telah menggemparkan seluruh umat Islam dan para alim-ulama di seluruh negara-negara Islam di Timur Tengah.


Di antara para ulama yang mula-mula menyedari perkara yang tidak diingini ini berlaku ialah Ṣāḥib al-Faḍīlah al-Shaykh Nadīm Mufti Tripoli dan daerah-daerah utara Lubnan. Beliau dengan tidak berlengah-lengah lagi terus mengirim

sebuah makalah khas yang berupa suatu "seruan terbuka" kepada setiap umat Islam dan kepada seluruh kerajaan-kerajaan Islam, agar suatu tindakan bersama dilancarkan oleh seluruh umat Islam demi untuk mencegah supaya "Qur'an Baru" ini tidak akan dapat disebarluaskan ke seluruh dunia Islam oleh penyusun dan penerbitnya yang dianggapnya mencari peluang untuk mendapat keuntungan yang

besar dari hasil penjualan Qur'an tersebut. [Terjemahan makalah beliau akan kita siarkan di majalah Qalam keluaran akan datang ... *in shā-Allāh*]

Dalam pada itu kita menunggu pula, apakah pendapat-pendapat para alim-ulama kita berhubung dengan soal ini. Kita berharap mereka juga akan bertindak dengan sewajarnya. –

Pengarang majalah Qalam.



Qur'an Besar

Gambar ini menunjukkan sebuah kitab suci al-Qur'ān yang paling besar sekali di dunia.
Hingga sekarang al-Qur'ān ini masih ada tersimpan di gudang Pustaka Negara di Kota Kaherah – Mesir.

Dari lembaran al-Qur'ān

* Bahawa sesungguhnya Kami yang telah menurunkan "al-Qur'ān" dan Kamilah yang menjaganya dengan baik. (*al-Hijr* – 9)

* * *

* Cubalah engkau datangkan Qur'an selain daripada ini, atau tukarlah ia! Katakanlah kepadanya: "Saya tidak berhak menukarnya dari saya sendiri, tiada saya mengikut selain daripada yang diwahyukan kepada saya. Sesungguhnya saya takut, jika saya menderhakai Tuhan saya – akan seksaan hari qiamat –

(*Yūnus* – 15).

* * *

* Bahawa inilah Qur'an yang mulia, yang tertulis di Luh Mahfuz. (*al-Burūj* – 21.22).

* * *

* Katakanlah! Demi jika berhimpun manusia dan jin hendak memperbuat seumpama Qur'an ini, nescaya mereka tidak boleh memperbuatnya, meski pun setengah daripada mereka bertolong-tolongan di antara satu sama lain. (*Banī Isrā'īl* – 88).